



**PENGGUNAAN TANDA SEBAGAI KOMUNIKASI VISUAL DALAM KARYA**

**Nur Sharyna Binti Sabarudin**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian**

**(Seni Halus)**

**2017**

# **PENGGUNAAN TANDA SEBAGAI KOMUNIKASI VISUAL DALAM KARYA**

**NUR SHARYNA BINTI SABARUDIN**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the Thursday of June 2017.

**Student's Declaration:**

I **NUR SHARYNA BINTI SABARUDIN (48372)** from **FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** Shereby declare that the work entitled ***PENGGUNAAN TANDA SEBAGAI KOMUNIKASI VISUAL DALAM KARYA*** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_  
NUR SHARYNA BINTI SABARUDIN (48372)

\_\_\_\_\_  
Date Submitte

**Supervisor's Declaration:**

I **ASSOCIATE PROF. HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN** hereby certifies that the work entitled ***PENGGUNAAN TANDA SEBAGAI KAMUNIKASI VISUAL DALAM KARYA*** prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: \_\_\_\_\_  
(PROF. MADYA HJ. ZULKALNAIN ZAINAL ABIDIN)

Date: \_\_\_\_\_

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*

**OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
(Date: \_\_\_\_\_ )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
(Date: \_\_\_\_\_ )

Current Address:

BATU 5, KAMPUNG KENANGAN JALAN SEGAMA LAMA, 91110 LAHAD DATU, SABAH.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGAKUAN**

Projek bertajuk **PENGGUNAAN TANDA SEBAGAI KOMUNIKASI VISUAL DALAM BERKARYA** telah disediakan oleh **NUR SHARYNA BINTI SABARUDIN** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

\_\_\_\_\_  
(PROF MADYA ZULKALNAIN)

Tarikh:

\_\_\_\_\_

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkat kurnia-Nya, penulisan ilmiah ini berjaya disiapkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif serta pensyarah yang terlibat dalam membantu sepanjang tempoh pengajian ini.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Madya Zulkalnain Zainal Abidin selaku penyelia saya yang banyak membantu, membimbing serta berkongsi ilmu bagi menjayakan projek tahun akhir dan penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah seni halus yang banyak memberi nasihat dan cadangan dalam menjayakan projek tahun akhir ini.

Seterusnya, saya ingin memberi penghargaan kepada keluarga yang sering memberi sokongan moral dan dari aspek kewangan sepanjang melaksanakan projek tahun akhir. Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi dorongan ketika penghasilan projek tahun akhir dijalankan. Diharapkan penulisan ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan yang berguna kepada generasi yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Tajuk	i
Pengesahan	ii-iii
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Isi kandungan	vi-vii
Abstrak	viii
Abstract	ix
<b>Bab 1 : Pengenalan</b>	
1.1 Pendahuluan	1-4
1.2 Kajian Lepas	4-7
1.3 Kenyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan dan Hipotesis Kajian	8
<b>Bab 2 : Metodologi Kajian</b>	
2.1 Pendahuluan	9
2.2 Kajian Ilmiah	9-12
<b>Bab 3 : Perbincangan</b>	
3.1 Tafsiran Istilah	13-14
3.2 Penyelidikan	14-15

Rumusan dan Hasil Kajian	16
Bab 4 : Karya	
4.1 Pengenalan	17
4.2 Dapatan Kajian	18
4.2.1 Lakaran Idea	19
4.2.2 Penghasilan Mock-Up	20
4.2.3 Bahan dan Peralatan	20
4.2.4 Proses Penghasilan Karya	21
4.2.5 Analisis Kajian	22
4.2.6 Artis Rujukan	23-24
4.3 Kepentingan Kajian	25
4.4 Kenyataan Masalah	25
4.5 Hipotesis Kajian	25-26
4.6 Objektif Kajian	26
Bab 5 : Rumusan dan Hasil Kajian	27-29
Bibliografi	30-31
Lampiran	32



## **ABSTRAK**

Kajian ini tentang penggunaan tanda sebagai komunikasi visual dalam karya. Kajian ini bertujuan untuk mempelajari konsep komunikasi visual dalam menghasilkan karya. Konsep komunikasi visual ini dapat dijadikan sebagai subjek utama dalam menghasilkan penulisan ilmiah dengan proses menganalisa, mengenalpasti dan mengaplikasikan dalam bentuk karya. Dalam kajian ini juga, beberapa objektif telah ditetapkan iaitu menganalisa penggunaan komunikasi visual dalam menyampaikan sesuatu makna. Seterusnya adalah mengenalpasti elemen yang terdapat dalam unsur semiotik. Simbol, ikon dan indeks merupakan elemen yang perlu dikaji dalam menghasilkan penulisan ilmiah ini serta mengaplikasikan sebagai karya akhir. Objektif terakhir adalah mengaplikasikan penggunaan unsur semiotik dalam penghasilan karya fotografi dalam bentuk komunikasi visual. Kajian ini dihasilkan dengan merujuk beberapa rujukan melalui beberapa kaedah metodologi. Melalui kajian ini juga dapat membantu mencari kreadibiliti dalam penghasilan karya melalui pemahaman yang mendalam tentang penggunaan komunikasi visual.

## ABSTRACT

*This study is about the use of signage as visual communication in artwork. This study aimed to learn the concept of visual communication in the piece of artwork. The concept of visual communication can be a major subject in the scientific literature produced by the process of analyzing, identifying and applying in the form of artwork. In this study, a number of objectives have been defined which is to analyze the use of visual communication in conveying a meaning. Next is to identify the elements contained in the semiotic elements. Symbols, icons and indexes is an element that must be examined in generating and applying in scientific writing as the final work. The final objective is to apply the semiotic element in the production of photographic work in the form of visual communication. This study was produced by referring to the reference through several methods. Through this study can also help find credibility in the art through a deep understanding of the use of visual communication.*

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Kajian ini berkaitan penggunaan unsur semiotik dalam fotografi. Kajian ini dijalankan untuk mempelajari penggunaan simbol, ikon dan indeks sebagai unsur semiotik. Pendekatan unsur semiotik dalam fotografi digunakan untuk menyampaikan mesej disebalik gambar-gambar yang dipamerkan. Gambar yang digunakan merupakan medium kepada audien untuk mentafsir mesej yang ingin disampaikan.

Dalam kajian ini, kata kunci yang digunakan adalah semiotik, komunikasi visual dan hitam putih. Semiotik dipamerkan sebagai sesuatu yang memberi maksud tertentu kepada audien. Semiotik menggalakkan seseorang itu untuk berfikir secara kritikal agar mencapai maksud yang tersirat. Semiotik adalah salah satu cara untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan simbol, ikon dan indeks dalam sesebuah karya.

Fotografi hitam putih adalah proses kehilangan warna tapi membantu untuk memberi fokus kepada hubungan lain terhadap sesuatu imej. Fotografi hitam putih juga mengubah cara seseorang individu untuk melihat sesuatu imej berwarna dengan perubahan penting dalam keutamaan grafik dalam imej. Hal ini membantu untuk melihat imej berwarna melalui sudut pandangan yang berbeza. Bukan itu sahaja, hitam putih membantu untuk memfokuskan kepada dinamik sesebuah imej secara spesifik kerana mampu berfikir secara lebih kritikal dalam istilah tone, warna, highlight dan bayang dalam sesuatu gambar.

Manakala melalui teknik pengekalan warna, digunakan untuk memberi penekanan terhadap subjek yang mempunyai perkataan dan simbol, yang memberi unsur semiotik dalam

sesebuah gambar. Tambahan pula, fotografi berwarna mampu menggalakkan seseorang untuk merakam gambar realiti dalam dua dimensi iaitu ilusi. Warna pada simbol, ikon dan indeks yang terdapat dalam imej diterangkan dengan mengubah *contrast*. Hal ini adalah untuk menonjolkan simbol dan perkataan yang wujud dalam gambar tersebut. Teknik ini memberi penekanan terhadap sesebuah gambar kepada audien.

Melalui kajian ini juga, pengkaji menghasilkan tiga objektif kajian iaitu menganalisa penggunaan komunikasi visual dalam menyampaikan sesuatu makna, mengenalpasti elemen yang terdapat dalam unsur semiotik dan mengaplikasikan penggunaan unsur semiotik dalam penghasilan karya fotografi.

Jangkaan karya yang dihasilkan adalah pengumpulan imej yang mempamerkan ‘signage’ yang mempunyai elemen simbol, ikon dan indeks. Karya ini adalah untuk menenkankan tentang semiotik kepada audien. Kesimpulannya, kajian ini adalah untuk mempelajari penggunaan unsur semiotik dengan kombinasi teknik hitam putih dan subjek berwarna dalam karya akhir.

## **Latar Belakang**

Fotografi berasal daripada perkataan Greek. ‘Photo’ adalah perkataan yang berasal daripada Greek iaitu ‘phos’. ‘Phos’ memberi makna kepada penghasilan daripada cahaya. ‘Phos’ diambil daripada perkataan *Phosphorus* yang merupakan nama bintang yang sangat terang. Dengan kombinasi ‘-graph’ yang diambil daripada perkataan ‘graphic’, ditakrif dengan terperinci. Hasil daripada gabungan ‘photo’ dan ‘-graph’ memberi takrifan kepada gambar yang dihasilkan daripada cahaya.

Penghasilan fotografi melibatkan beberapa elemen iaitu cahaya, tumpuan, warna, *contrast*, kualiti dan imej yang jelas. Dengan mengawal semua elemen tersebut, gambar yang fotogenik dapat dihasilkan. Fotografi merupakan salah satu medium demokratik yang melibatkan sejagat. Penggunaan foto adalah penting kerana foto membolehkan seseorang individu untuk menghargai sesuatu peristiwa yang dirakam. Sebagai fotografer, Nan Goldin mengatakan dengan fotografi yang ada, seseorang tidak akan terlepas detik penting lagi. Bukan itu sahaja, fotografi juga adalah bahasa universal yang mudah difahami.

Semiotik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu tanda, simbol dan ikon. Tanda dan simbol merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian seseorang individu, termasuklah papan tanda, pembungkusan makanan, simbol 'on' dan 'off' serta tanda tertutup dan terbuka. Pembelajaran tentang tanda dikenali sebagai semiotik dan diaplikasikan sebagai ikhtiar dari segi linguistik, sains dan seni visual. Semiotik biasanya digunakan untuk menerangkan bahasa visual dalam cara yang lebih menarik. Namun, semiotik salah satu kaedah dalam mentafsir, membaca dan bertindak balas kepada fotografi.

Untuk mengaplikasikan unsur semiotik dalam karya, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan, antaranya adalah maksud kepada *signified* (menandakan) dan *signifier* (penanda), perbezaan antara simbol dan ikon serta teori fotografi yang mengatakan sifat *indexical* dalam fotografi. Melalui pembacaan yang dilakukan, *signified* adalah konsep penyampaian semiotik manakala *signifier* adalah bentuk bagaimana sesebuah tanda itu dirakam. Dalam mempelajari semiotik, simbol dan ikon adalah sesuatu yang berbeza. Simbol digunakan untuk mewakili sesuatu yang lain untuk menyampaikan mesej. Ikon pula memiliki persamaan kepada rupa.

Imej hitam putih dalam fotografi juga merupakan teknik yang digunakan dalam penghasilan karya akhir. Fotografi hitam putih wujud dalam kehadiran dan ketiadaan cahaya yang memberi penekanan yang istimewa kepada fotografi tersebut. Fotografi ini dilihat sebagai salah satu proses alternatif untuk menghasilkan sesuatu imej berwarna daripada kamera mahupun komputer. Berdasarkan buku yang dikaji, fotografi yang dihasilkan secara hitam dan putih adalah fotografi yang subjektif yang melibatkan emosi seseorang. Bukan itu sahaja, fotografi ini dianggap sebagai sesuatu yang memberi imej yang bergaya, tenang, retro dan *moody*. Walau bagaimanapun, secara profesionalnya, fotografi hitam dan putih juga digunakan kerana kualitinya yang tidak ditelan masa.

Fotografi berwarna bermula pada awal 1903 dengan bantuan penggunaan proses *autochrome* yang diwujudkan oleh Nicéphore Niepce. Fotografi berwarna menggalakkan seseorang bahawa mengambil gambar adalah merakam realiti dalam dua dimensi iaitu ilusi. Menurut pembacaan, fotografi merupakan perubahan daripada hitam dan putih kepada imej berwarna adalah perubahan yang besar yang telah dilakukan bertahun dahulu. Komponen warna telah menarik perhatian melalui kekayaan dan kaitan antara *hue* dalam roda warna.

## **1.2 Kajian Lepas**

Kajian ini dijalankan dengan merujuk beberapa buah buku dan artis rujukan. Di dalam buku *Expert Digital Photography : Black and White*, diterangkan tentang perubahan warna dalam fotografi antara hitam dan putih serta imej berwarna. Menurut buku ini, perubahan warna yang berlaku daripada imej berwarna kepada imej hitam putih adalah perubahan cara kita melihat sesuatu imej. Walau bagaimanapun, fotografi pada awalnya hanya mempunyai hitam dan putih,

namun telah dihasilkan proses penukaran hitam dan putih kepada berwarna. Buku ini juga lebih tertumpu kepada imej hitam putih dan sebab penggunaan hitam putih. Gambar hitam dan putih memfokuskan kepada dinamik secara spesifik kerana mampu untuk berfikir secara lebih kritikal dalam istilah *tone*, *highlight* dan *bang* dalam sesuatu gambar.

Bukan itu sahaja, Micheal Freeman memperkatakan tentang penggunaan fotografi warna di dalam bukunya, *Expert Digital Photography : Black and White*. Fotografi berwarna dikatakan mampu menggalakkan seseorang individu bahawa merakam gambar adalah menangkap realiti di dalam dua dimensi, iaitu ilusi. Komponen warna juga dapat menarik perhatian audien melalui kekayaan dan kepelbagaian *hue* dalam roda warna.


Menurut buku *Digital Black and White Photography*, fotografi digital secara hitam dan putih lebih kepada membuang warna pada gambar untuk mempelajari cahaya dalam fotografi. Di dalam buku ini juga, Ansel Adam mengatakan “*the score is the captured image, but the performer decides whether to play it black and white, color or play it both way.*” Kenyataan yang diberikan oleh Ansel Adam dapat menyokong penggunaan teknik hitam putih dan pengekalan warna dalam fotografi untuk menghasilkan karya.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan artis rujukan sebagai kajian lepas untuk mengukuhkan kajian ini. Barbara Kruger merupakan artis konseptual dan pop artis. Beliau mengambil bidang fotografi pada 1977 dengan menghasilkan siri hitam-putih. Artis rujukan ini digunakan kerana karya beliau yang menggunakan teks pada fotografi untuk menyampaikan makna yang tersirat kepada audien. Beliau menggunakan unsur semiotik pada gambar yang dihasilkan untuk memberi kritikan tentang sesuatu isu. Teks yang digunakan biasanya memberi persoalan kepada audien. Gambar 1 dan 2 merupakan karya yang dihasilkan oleh Barbara Kruger.



**Gambar 1**

We don't need another hero, 1985



**Gambar 2**

Your body is a battleground, 1989

Tambahan pula, pendekatan unsur semiotik dalam fotografi juga dirujuk kepada Walker Evans, yang merupakan fotografer yang lebih fokus kepada tanda-tanda disekeliling. Bagi beliau, perkataan pada tanda adalah kod dan mampu memberi pengetahuan melalui pembacaan kod pada imej fotografi tersebut. *Sign photography* dilakukan untuk memberi kesedaran tentang had dalam fotografi. Teks pada dua dimensi yang dilihat secara rata dan memberi had kepada audien dapat diubah dari segi cara penyampaian melalui fotografi.

Kate merupakan fotografer bandar menggunakan warna pada tanda sebagai fokus utama pada gambar. Melalui karya yang beliau hasilkan, beliau lebih menumpukan kepada benda yang wujud ditempatkan di kawasan yang mempunyai kaitan atau tidak mempunyai kaitan terhadap sekeliling masyarakat. Kate juga membuktikan bahawa pelbagai jenis imej dapat dihasilkan dengan baik hanya sekadar memberi tumpuan kepada elemen-elemen yang tidak dijangka yang wujud disekeliling kita.





**Gambar 3**

Street Signs oleh Kate, fotografer bandar.

Melalui pembacaan buku *Context and Narrative*, terdapat beberapa penerangan tentang penggunaan semiotik dalam berkarya. Turut menceritakan bagaimana sebuah karya mampu memberikan penceritaan disebalik karya yang dihasilkan. *“photographer uses context and narrative devices to communicate the concept behind the photograph”* (Trevor Williams, 2011). Fotografi boleh digunakan untuk pelbagai fungsi termasuklah sebagai bahan bukti, memberi kaitan antara kehendak fotografer dan konteks dalam fotografi, serta penilaian tentang nilai estetika dan seni dalam fotografi.

### **1.3 Kenyataan Masalah**

Melalui kajian yang dijalankan terhadap semiotik dan teknik-teknik yang digunakan dalam penghasilan, terdapat permasalahan kajian yang wujud. Permasalahan kajian yang dikenal pasti adalah bagaimana unsur semiotik dapat dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada audien.

#### **1.4 Objektif Kajian**

1. Menganalisa penggunaan komunikasi visual dalam menyampaikan sesuatu makna.
2. Mengenalpasti elemen yang terdapat dalam unsur semiotik.
3. Mengaplikasikan penggunaan unsur semiotik dalam penghasilan karya fotografi.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah yang dapat disampaikan melalui penggunaan komunikasi visual?
2. Apakah elemen yang terdapat dalam unsur semiotik?
3. Bagaimanakah pendekatan unsur semiotik digunakan dalam penghasilan karya?

#### **Hipotesis**

Melalui permasalahan kajian yang dikenal pasti, pengkaji telah membuat merujuk beberapa rujukan dan menghasilkan hipotesis kepada permasalahan kajian yang wujud. Hipotesis kajian adalah sesebuah mesej dapat disampaikan melalui kefahaman semiotik yang divisualkan melalui fotografi.

## **BAB 2**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan penyelidikan penerokaan. Penyelidikan penerokaan merupakan salah satu cara untuk melaksanakan kajian. Penyelidikan ini dipilih untuk mendapatkan jawapan terhadap soalan yang lebih merujuk kepada “apakah”. Manakala reka bentuk kajian, pengkaji menggunakan penyelidikan secara kualitatif. Dalam penyelidikan kualitatif ini pula, pengkaji menggunakan sumber primari dan sekunder. Metod ini digunakan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian.

#### **3.2 Kajian Ilmiah**

##### **3.2.1 Sumber Primari**

##### **Eksperimentasi**

Untuk metod yang pertama, pengkaji menggunakan metod eksperimentasi sebagai sumber primari dalam kajian ini. Eksperimentasi terlibat dalam pemilihan gambar serta teknik yang digunakan dalam penghasilan fotografi. Manipulasi gambar juga terlibat dalam proses menghasilkan fotografi yang mempunyai subjek berwarna dan imej hitam putih. Oleh itu, metod eksperimentasi diperlukan untuk menghasilkan beberapa gambar yang telah disunting sebelum dipilih sebagai karya akhir. Pemilihan gambar dilakukan berdasarkan kepelbagaian warna yang ada pada sesebuah gambar dan membantu audien lebih fokus kepada foto tersebut. Untuk memberi

penekanan terhadap foto tersebut, gambar yang telah dipilih perlu ditukarkan kepada imej hitam putih dan meninggalkan kawasan atau subjek yang dipilih secara berwarna. Melalui metod ini juga, pengkaji ingin mempelajari kadar *tone* yang terbaik dalam menghasilkan fotografi hitam putih. Selain itu, eksperimentasi digunakan untuk mengenal pasti perisian (*software*) yang sesuai digunakan untuk menghasilkan imej yang menggunakan teknik pemilihan subjek berwarna. Melalui kajian yang dijalankan, perisian yang dicadangkan adalah Photoshop dan Topaz Remask 5. Namun, terdapat beberapa perisian dalam telefon pintar yang boleh digunakan untuk menghasilkan gambar yang mengaplikasikan teknik pemilihan subjek berwarna.

### **3.2.2 Sumber Sekunder**

#### **Buku, jurnal dan artikel**

Selain itu, pengkaji juga menggunakan sumber sekunder yang menggunakan buku, jurnal dan artikel untuk mendapatkan pengetahuan dan informasi tentang teknik yang digunakan, fotografi hitam putih, imej berwarna dan contoh-contoh karya yang dihasilkan. Untuk mendapat info tentang teknik, buku yang digunakan lebih kepada pengetahuan tentang menyunting imej dan *software* yang digunakan. Secara asasnya, Adobe Photoshop digunakan untuk menyunting gambar. Seterusnya adalah fotografi hitam putih. Terma hitam putih ini diterangkan dalam buku Digital Photography Black and White dan Black and White Photography. Dalam buku tersebut, mereka menerangkan tentang kegunaan "*black and white*" dalam kehidupan seharian di samping mengajar secara praktikal untuk menghasilkan imej hitam putih. Bagi imej berwarna pula, beberapa buku digunakan untuk mendapatkan informasi. Buku yang telah dipilih dan digunakan adalah buku Theory of Color dan Color Vision. Melalui buku-buku tersebut, terdapat penerangan

yang berkaitan dengan warna dan menunjukkan beberapa contoh gambar yang berkaitan dengan teknik yang digunakan iaitu “*selective color*”.

### **Internet**

Di samping menggunakan buku, pengkaji juga menggunakan sumber internet untuk mendapatkan maklumat awal tentang kajian yang akan dilakukan. Sebelum melakukan penyelidikan dan penerokaan tentang lebih mendalam tentang topik yang dijalankan, sumber internet digunakan untuk mengumpul idea yang berkaitan dengan teknik yang digunakan dalam fotografi. Bukan itu sahaja, penggunaan internet secara meluas membantu untuk mencari artis rujukan yang terlibat dalam menghasilkan karya mengikut kata kunci yang digunakan dalam kajian ini. Pemilihan artis rujukan juga tidak terhad dengan bantuan internet. Melalui sumber ini juga, aplikasi Pinterest juga dirujuk kerana media sosial ini banyak membantu dalam memberi idea yang pelbagai dalam menghasilkan karya. Tambahan pula, Vivo dan Youtube juga digunakan untuk mendapatkan rujukan penghasilan karya yang dilakukan oleh beberapa artis. Youtube merupakan salah satu medium yang digunakan untuk menyampaikan ilmu dengan cara memberi video tutorial penghasilan sesebuah karya. Kesimpulannya, sumber ini banyak membantu dalam mengembangkan idea yang dipilih dengan pelbagai cara penyampaian.

## **Pemerhatian**

Metod terakhir yang digunakan adalah melalui pemerhatian. Metod ini digunakan untuk mendapatkan objektif yang ketiga iaitu pengaplikasian unsur semiotik dalam penghasilan karya. Pemerhatian karya dilakukan untuk dijadikan contoh dan rujukan untuk menghasilkan karya akhir kajian ini. Karya yang bersesuaian yang berkaitan akan dijadikan contoh dan dianalisis agar karya bagi kajian ini dapat dihasilkan lebih baik dan mampu menyampaikan mesej kepada audien. Metod ini juga diperlukan untuk membuat pemilihan dari segi penyampaian karya akhir.

## BAB 3

### PERBINCANGAN

#### 3.1 Tafsiran istilah

Dalam kajian ini, istilah yang digunakan adalah semiotik. Terdapat beberapa tafsiran bagi istilah ini. Menurut Roland Barthes, semiologi bertujuan untuk mengambil dalam apa jua tanda dalam sistem tanpa mengira bahan dan had termasuklah imej, gerak isyarat, bunyi muzik, objek dan persatuan komputer. Tanda-tanda ini berbentuk kandungan ritual, konvensyen atau hiburan awam. Setiap unsur tersebut memberi makna, namun tidak dikelompokkan sebagai bahasa. Tafsiran ini dijadikan rujukan dalam mendefinisikan semiotik kerana Barthes meyakinkan konsep semiotik dalam penghasilan karya beliau.

Manakala Umberto Eco, mengatakan bahawa semiotik adalah berkenaan dengan segala-gala yang boleh diambil sebagai tanda. Bagi beliau, tanda melibatkan perkataan, imej, bunyi, gerak isyarat dan objek. Menurut Eco juga, semiotik adalah pembelajaran yang bukan sahaja merujuk kepada tanda yang diperkatakan setiap hari tetapi mempelajari sesuatu yang mampu memberi makna tersirat disebalik tanda yang dipaparkan. Melalui tafsiran ini, semiotik dapat dilihat sebagai sesuatu yang kritikal kerana memerlukan seseorang individu itu untuk berfikir lebih dalam untuk mendapatkan mesej yang ingin disampaikan.

Selain itu, ahli bahasa iaitu Ferdinand de Saussure juga mempunyai definisi tersendiri terhadap semiotik. Semiologi adalah berkaitan dengan sains yang mempelajari fungsi sesebuah tanda sebagai sebahagian daripada kehidupan sosial. Ahli bahasa ini membuktikan bahawa setiap tanda mempunyai fungsi tersendiri dan boleh difahami oleh setiap individu. Dengan tafsiran kepada istilah 'tanda', pembelajaran terhadap fungsi sesebuah tanda boleh dirungkaikan.

Manakala menurut ahli falsafah, Charles Peirce, semiotik merupakan pengajaran secara formal antara tanda-tanda yang berkaitan dengan logik. Bagi beliau, semiotik memberi makna kepada seseorang tentang sesuatu dengan cara lebih baik. Bukan itu sahaja, Peirce mengatakan bahawa setiap pemikiran adalah petanda. Daripada tafsiran ini, petanda tidak terikat kepada imej, objek, perkataan, bunyi dan gerak badan tetapi juga kepada pemikiran seseorang.

Seterusnya, ahli semiotik kontemporari juga membuat tafsiran tentang semiotik iaitu pembelajaran bagaimana makna dapat dihasilkan melalui konsep semiotik tersebut. Makna yang disampaikan bukan sahaja melalui komunikasi tetapi juga melalui pembinaan dan penyelenggaraan realiti. Tafsiran ini menerangkan bahawa tanda adalah sebahagian daripada 'sistem tanda' semiotik atau lebih dikatakan sebagai medium kepada semiotik.

Bagi John Sturrock, beliau memperkatakan bahawa *semantics* lebih tertumpu kepada maksud perkataan manakala semiotik mementingkan bagaimana sesebuah tanda mampu memberikan makna. Namun, semiotik juga dikatakan sebagai menganalisa teks. Teks boleh wujud dalam pelbagai bentuk, iaitu secara lisan, bukan lisan atau kedua-duanya. Teks merujuk kepada mesej yang telah direkodkan dalam beberapa cara termasuklah dalam penulisan, rakaman audio dan video. Bukan itu sahaja, teks merupakan himpunan tanda.

### **3.2 Penyelidikan**

Kajian ini adalah tentang penggunaan unsur semiotik dalam penghasilan karya. Namun terdapat teknik yang digunakan dalam menghasilkan karya tersebut termasuklah teknik hitam-putih dan pemilihan subjek berwarna. Dalam fotografi yang dihasilkan mempunyai elemen tanda,